

## **BAB 5**

### **HASIL PENYELIDIKAN**

#### **5.1. Pengenalan**

Hasil penyelidikan yang akan dibincangkan dalam bab ini meliputi hasil ujian pendengaran dan hasil ujian sebutan. Hasil daripada ujian pendengaran dan ujian sebutan dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar Melayu memang menghadapi masalah pendengaran dan sebutan semasa mempelajari BPS. Keputusan untuk ujian pendengaran dan sebutan mungkin berbeza kerana dalam ujian sebutan pelajar-pelajar dikehendaki menyebut perkataan-perkataan yang terdapat dalam ujian tanpa bantuan penyelidik. Sebaliknya, dalam ujian pendengaran pelajar-pelajar dapat mendengar cara sebutan untuk perkataan-perkataan yang terdapat dalam ujian tersebut apabila penyelidik menyebut perkataan-perkataan tersebut.

##### **5.1.1. Hasil Ujian Pendengaran**

Dalam Ujian 1, Konsonan BPS di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah pendengaran untuk konsonan yang hanya wujud dalam BPS tetapi tidak wujud dalam BMS. Untuk konsonan plosif [b], [p], [t], [d], [g] dan [k] semua pelajar dapat jawab dengan betul.

Pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah pendengaran untuk konsonan frikatif BPS di Posisi Awal Kata khususnya [ʃ], [z] dan [ʒ]. Melalui ujian yang dibuat , didapati bahawa hanya 40% pelajar dapat jawab dengan

betul [ʃ]. 30% pelajar menggantikan [ʃ] dengan [s]. Untuk konsonan [z] hanya 55% pelajar dapat jawab dengan betul. 25% pelajar menggantikan [z] dengan [s]. Manakala untuk konsonan [ʒ] 70% pelajar dapat jawab dengan betul. 30% pelajar menggantikan [ʒ] dengan [j].

Pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah untuk konsonan frikatif [f] kerana semua pelajar dapat jawab dengan betul. Manakala untuk konsonan [v] dan [s] 95% pelajar dapat jawab dengan betul.

Pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah pendengaran bagi konsonan nasal [m] dan [n]. Begitu juga dengan konsonan getaran [r] dan [R]. Untuk konsonan lateral pula, pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah untuk konsonan [l] tetapi menghadapi masalah untuk konsonan [λ]. Hanya 20% pelajar sahaja dapat jawab dengan betul. 30% pelajar menggantikan [λ] dengan [s] manakala 30% yang lain pula menggantikan [λ] dengan [j].

Dalam Ujian 2, Konsonan BPS di Posisi Tengah Kata dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah pendengaran bagi konsonan [p], [b], [d] dan [k] kerana semua pelajar dapat jawab dengan betul. Untuk konsonan [t] 90% pelajar dapat jawab dengan betul. Untuk konsonan [g] 95% pelajar dapat jawab dengan betul.

Untuk konsonan frikatif [f] semua pelajar dapat jawab dengan betul. Untuk konsonan [v] 95% pelajar dapat jawab dengan betul manakala untuk konsonan [s] pula 90% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi konsonan [z]

80% pelajar dapat jawab dengan betul, 20% yang lain menggantikan [z] dengan [s]. Untuk konsonan [ʃ] hanya 50% pelajar dapat jawab dengan betul, 30% pelajar menggantikan [ʃ] dengan [χ] manakala 15% yang lain menggantikan [ʃ] dengan [s]. Untuk konsonan [ʒ] hanya 15% pelajar dapat jawab dengan betul, 40% pelajar menggantikan [ʒ] dengan [s] dan 25% pelajar menggantikan [ʒ] dengan [z].

Begitu juga dengan konsonan nasal [m] dan [n], pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah pendengaran untuk mengenalpasti konsonan [m] dan [n] kerana melalui ujian yang dilakukan semua pelajar dapat jawab dengan betul. Namun, bagi konsonan [ŋ] hanya 50% pelajar dapat jawab dengan betul.

Bagi konsonan lateral [l] hanya 5% pelajar yang melakukan kesilapan. Bagi konsonan lateral [λ] 75% pelajar dapat jawab dengan betul, 10% pelajar menggantikan [λ] dengan [l]. Bagi konsonan getaran [r] 95% pelajar dapat jawab dengan betul manakala bagi konsonan getaran [R] hanya 65% pelajar dapat jawab dengan betul. 35% pelajar yang lain menggantikan [R] dengan [r].

Dalam Ujian 3, Konsonan BPS di Posisi Akhir didapati bahawa kebanyakan pelajar dapat jawab dengan betul. Ini mungkin kerana konsonan tersebut juga terdapat dalam BMS. Dari segi penyebaran konsonan tersebut juga didapti di posisi akhir kata, jadi pelajar melakukan kurang kesilapan. Contohnya konsonan plosif [b]. 70% pelajar dapat jawab dengan betul. 20% menggantikan [b] dengan [p]. Bagi konsonan frikatif [ʃ] 80% pelajar dapat

jawab dengan betul. Bagi konsonan nasal [m] 75% dapat jawab dengan betul manakala 25% yang lain menggantikan [m] dengan [n]. Bagi konsonan lateral [l] 80% pelajar dapat jawab dengan betul manakala bagi konsonan [r] semua pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 4, Vokal Oral BPS di Posisi Awal Kata dapat disimpulkan bahawa kebanyakan vokal oral itu wujud dalam BMS. Jadi, pelajar-pelajar Melayu melakukan kurang kesilapan lebih-lebih lagi penyebaran vokal adalah sama iaitu wujud di posisi awal kata. Umpamanya semua pelajar dapat jawab dengan betul vokal [u], [ə], [o] dan [e]. Bagi vokal [i] 90% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi vokal [ɔ] dan [ɑ] 75% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi vokal [ɛ] 95% pelajar dapat jawab dengan betul. Ini kerana walaupun vokal [ɛ] tidak wujud dalam BMS tetapi merupakan alomof bagi vokal [e], jadi pelajar melakukan kurang kesilapan.

Dalam Ujian 5, Vokal Oral BPS di Posisi Tengah Kata dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar Melayu melakukan kurang kesilapan . Contohnya semua pelajar dapat jawab dengan betul vokal [ɑ], [ɛ] dan [ɔ]. Bagi vokal [i], [e] dan [o] 95% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi vokal [u] 65% pelajar dapat jawab dengan betul manakala 35% yang lain menggantikan [u] dengan [o].

Dalam Ujian 6, Vokal Oral BPS di Posisi Akhir kata menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dapat jawab dengan betul. Misalannya semua pelajar dapat jawab dengan betul vokal [ə] dan [o]. 95% pelajar dapat jawab

dengan betul vokal [e], [ $\alpha$ ], [ $\varepsilon$ ], [ $\circ$ ] dan [a]. 90% pelajar dapat jawab dengan betul vokal [u]. Hanya 35% pelajar dapat jawab dengan betul vokal [i] manakala 65% pelajar menggantikan vokal [i] dengan vokal [e].

Dalam Ujian 7, Vokal Nasal di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa pelajar melakukan kurang kesilapan dalam ujian ini. Misalannya bagi vokal [ $\tilde{e}$ ], [ $\tilde{u}$ ] dan [ $\tilde{o}$ ] semua pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi vokal [ $\tilde{i}$ ] 90% pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 8, Vokal Nasal BPS di Posisi Tengah Kata didapati bahawa kesilapan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar ialah vokal [ $\tilde{\alpha}$ ]. 60% pelajar dapat jawab dengan betul manakala 40% yang lain menggantikan [ $\tilde{\alpha}$ ] dengan [ $\tilde{e}$ ]. Bagi vokal [ $\tilde{u}$ ] 85% pelajar dapat jawab dengan betul manakala 15% yang lain menggantikan [ $\tilde{u}$ ] dengan [o] yang tidak nasal. Bagi vokal [ $\tilde{i}$ ], [ $\tilde{e}$ ] dan [ $\tilde{o}$ ] semua pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 9, Vokal Nasal di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa pelajar melakukan kurang kesilapan dalam ujian pendengaran bagi vokal nasal. Misalannya semua pelajar dapat jawab dengan betul vokal [i], [ $\tilde{\alpha}$ ] dan [ $\tilde{o}$ ]. Bagi vokal [ $\tilde{u}$ ] 80% pelajar dapat jawab dengan betul manakala yang lain menggantikan [ $\tilde{u}$ ] dengan [o] yang tidak nasal. Bagi vokal [ $\tilde{e}$ ] hanya 70% pelajar dapat jawab dengan betul manakala 25% pelajar menggantikan [ $\tilde{e}$ ] dengan [i] yang tidak nasal.

Dalam Ujian 10, Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Awal Kata dapat disimpulkan bahawa hanya 55% pelajar dapat jawab dengan betul diftong [ui],

sebanyak 20% pelajar menggantikan [ui] dengan [oi]. Bagi diftong [ei] hanya 65% pelajar dapat jawab dengan betul sebanyak 20% pelajar menggantikan [ei] dengan [ai]. Bagi diftong [au] dan [ai] 95% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi diftong [oi] dan [eu] semua pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 11, Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa bagi diftong [ei] dan [eu] hanya 65% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi diftong [oi] dan [ui] 85% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi diftong [au] dan [ai] 95% pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 12, Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Akhir Kata didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah pendengaran bagi diftong [iu] hanya 45% pelajar dapat jawab dengan betul. Sebanyak 45% pelajar menggantikan [iu] dengan [eu]. Bagi diftong [ei] 75% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi diftong [eu] 80% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi diftong [ou] dan [au] 85% pelajar dapat jawab dengan betul. Bagi diftong [eu] 90% pelajar dapat jawab dengan betul. Manakala bagi diftong [ai], [ɔi] dan [oi] semua pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 13, Diftong Nasal Menurun BPS di Posisi Tengah Kata didapati bahawa 85% pelajar dapat jawab dengan betul diftong [œ̄] manakala 15% pelajar yang lain menggantikan [œ̄] dengan [oi] yang tidak nasal.

Dalam Ujian 14, Diftong Nasal Menurun BPS di Posisi Akhir Kata didapati bahawa hanya 50% pelajar dapat jawab dengan betul diftong [œ̄], sebanyak 35% pelajar menggantikan [œ̄] dengan [oi] yang tidak nasal. Bagi diftong [ɑ̄o] 55% pelajar dapat jawab dengan betul, sebanyak 20% pelajar

menggantikan [əo] dengan [au]. Bagi diftong [œ̈] 90% pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 15, Diftong Oral Menaik BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa hanya 45% pelajar dapat jawab dengan betul diftong [uo] sebanyak 15% pelajar menggantikan [uo] dengan [oa]. Bagi diftong [ua] 80% pelajar dapat jawab dengan betul sebanyak 15% pelajar menggantikan [ua] dengan [ui].

Dalam Ujian 16, Diftong Nasal Menaik BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa 70% pelajar dapat jawab dengan betul diftong [uï]. Bagi diftong [uä] 90% pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 17, Triftong Oral BPS di Posisi Akhir kata menunjukkan bahawa hanya 20% pelajar dapat jawab dengan betul triftong [uei], sebanyak 30% pelajar menggantikan [uei] dengan [ei]. Ini mungkin kerana triftong ini tidak wujud dalam BMS jadi pelajar banyak melakukan kesilapan. Bagi triftong [uiu] hanya 30% pelajar dapat jawab dengan betul, sebanyak 35% pelajar menggantikan [uiu] dengan [ue]. Bagi triftong [uai] 90% pelajar dapat jawab dengan betul.

Dalam Ujian 18, Triftong Oral BPS [uai] di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa 80% pelajar dapat jawab dengan betul .

Dalam Ujian 19, Triftong Nasal BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa hanya 35% pelajar dapat jawab dengan betul triftong [uœ̈o], sebanyak 30% pelajar menggantikan triftong ini dengan diftong [œ̈a].

Dalam Ujian 20, Triftong Nasal BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa hanya 25% pelajar dapat jawab dengan betul triftong [uõe], sebanyak 30% pelajar menggantikan [uõe] dengan [oe] yang tidak nasal.

Dalam Ujian 21, Rangkap Vokal BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa 100% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap vokal [ae] dan [ai] ini mungkin kerana rangkap vokal ini juga wujud dalam BMS. 85% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap vokal [ui] dan [eo]. 75% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap vokal [au]. 50 % pelajar dapat menjawab dengan betul rangkap vokal [oe]. 25% pelajar menggantikan [oe] dengan [ue]. 40% dapat jawab dengan betul rangkap vokal [ee]. 40% pelajar menggantikan [ee] dengan [e].

Dalam Ujian 22, Rangkap Vokal BPS di Posisi Akhir kata menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dapat jawab dengan betul Rangkap Vokal di Posisi Akhir Kata. Contohnya 100% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap vokal. 95% pelajar dapat jawab dengan betul [ua], [io] dan [oa].

Dalam Ujian 23, Rangkap Konsonan BPS di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa 100 % dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [br], [dr], [fl], [pl] dan [fr]. 65% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [gr]. 20% pelajar menggantikan [gr] dengan [br]. 95% dapat

jawab dengan betul rangkap konsonan [fr]. 40 % pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [cl]. 60% [cl] dengan [r]. 20% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [gl]. 30% pelajar menggantikan [gl] dengan [r].

Dalam Ujian 24, Rangkap Konsonan BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa 100% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [br] dan [dr]. 95% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [fl], [fr] dan [vr]. 5% pelajar menggantikan [fl] dengan [f]. 5% pelajar menggantikan [fr] dengan [fl]. 5% pelajar menggantikan [vr] dengan [v]. 90% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [pr]. 5% pelajar menggantikan [pr] dengan [p]. 75% orang pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [cr]. 15% pelajar menggantikan [cr] dengan [pr]. 65% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [pl]. 25% pelajar menggantikan [pl] dengan [p]. 30% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [bl]. 60% pelajar menggantikan [bl] dengan [br]. Hanya 15% pelajar dapat jawab dengan betul rangkap konsonan [gl]. 70% pelajar menggantikan [gl] dengan [gr].

Dalam Ujian 25, Separuh Vokal BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan 100% pelajar jawab dengan betul Separuh Vokal [j] dan [w] ini mungkin kerana kedua-dua Separuh Vokal [j] dan [w] terdapat dalam

BMS, jadi, pelajar-pelajar sudah didedahkan dengan Separuh Vokal semasa mereka mempelajari BMS.

### **5.1.2. Hasil Ujian Sebutan**

Dalam Ujian 1, Konsonan BPS di Posisi Awal Kata yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah sebutan bagi konsonan plosif BPS di Posisi Awal Kata ini kerana melalui ujian sebutan yang dilakukan semua pelajar dapat sebut dengan betul. Bagi konsonan frikatif [ʒ] pula hanya 45% pelajar dapat menjawab dengan betul. 25% menggantikan [ʒ] dengan [j] manakala 30% pelajar yang lain menggantikan [ʒ] dengan [g]. Bagi konsanan frikatif [ʃ], [v], [s], [z] dan [ʃ̪] pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah sebutan sebab pelajar-pelajar tersebut dapat sebut dengan betul. Begitu juga bagi konsonan nasal [m] dan [n]. Bagi konsonan lateral [λ] ujian sebutan ini menunjukkan masalah sebutan kerana hanya 50% pelajar dapat sebut dengan betul manakala 50% pelajar yang lain menggantikan [λ] dengan [j]. Ini mungkin kerana [λ] tidak wujud dalam BMS jadi, pelajar-pelajar menggantikannya dengan bunyi yang hampir.

Bagi konsonan lateral [l] pula, semua pelajar dapat sebut dengan betul. Bagi konsonan getaran [R] hanya 55% pelajar dapat menyebut dengan betul manakala 45% pelajar yang lain menggantikan [R] dengan

[r]. Ini mungkin kerana [R] tidak wujud dalam BMS jadi pelajar menggantikan [R] dengan konsonan yang hampir iaitu [r]. Bagi konsonan [r] pula tidak menunjukkan masalah sebutan di kalangan pelajar-pelajar Melayu kerana semua pelajar Melayu dapat sebut dengan betul.

Dalam Ujian 2, Konsonan BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah sebutan bagi konsonan plosif kerana semua pelajar dapat sebut dengan betul konsonan plosif [p], [b], [t], [d], [k] dan [g]. Bagi konsonan frikatif [z] sebanyak 70% pelajar dapat sebut dengan betul manakala 30% yang lain menggantikan [z] dengan [s]. Bagi konsonan [ʃ] hanya 65% pelajar dapat sebut dengan betul. 20% pelajar menggantikan [ʃ] dengan [s] manakala 15% yang lain menggantikan [ʃ] dengan [χ]. Bagi konsonan [ʒ] hanya 65% pelajar dapat sebut dengan betul. 5% pelajar menggantikan [ʒ] dengan [s] manakala 30% yang lain menggantikannya dengan [z]. Pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah sebutan bagi konsonan nasal [m] dan [n] kerana semua pelajar dapat sebut dengan betul manakala bagi [ŋ] 90% pelajar dapat sebut dengan betul. Bagi konsonan lateral [λ] hanya 65% pelajar dapat sebut dengan betul. 5% pelajar menggantikan [λ] dengan [nh] manakala 30% yang lain menggantikan [λ] dengan [l]. Bagi konsonan getaran [R] 85% pelajar dapat sebut dengan betul manakala 15% yang lain

menggantikan [R] dengan [r]. Bagi konsonan getaran [r] pula semua pelajar dapat sebut dengan betul.

Dalam Ujian 3, Konsonan BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan semua pelajar dapat sebut dengan betul konsonan [b], [s], [l] dan [r]. Bagi konsonan [m] 95% pelajar dapat sebut dengan betul hanya 5% yang menggantikan [m] dengan [n]. Ini mungkin kerana konsonan ini juga hadir di Posisi Akhir Kata BMS, jadi pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah sebutan.

Dalam Ujian 4, Vokal oral BPS di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul vokal oral BPS di Posisi Awal Kata kecuali bagi vokal [ə] hanya 75% pelajar dapat sebut dengan betul 25% yang lain menggantikan [ə] dengan [o].

Dalam Ujian 5, Vokal Oral BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan semua pelajar dapat sebut vokal oral BPS di Posisi Tengah Kata.

Dalam Ujian 6, Vokal Oral BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul vokal [u], [i], [ə], [o], [ɑ] dan [a] kecuali vokal [e] dan [ɛ]. Bagi vokal [e] 95% pelajar dapat sebut dengan betul manakala bagi vokal [ɛ] 80% pelajar dapat sebut dengan

betul. 20% pelajar menggantikan [ɛ] dengan [e]. Ini mungkin kerana pelajar lebih biasa dengan [e] yang wujud dalam BMS daripada [ɛ].

Dalam Ujian 7, Vokal Nasal di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul vokal [ĩ], [ũ], [ẽ], [õ].

Dalam Ujian 8, Vokal Nasal PBS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa pelajar dapat sebut dengan betul vokal nasal [ĩ], [ẽ], dan [õ]. Bagi vokal nasal [ũ] 95% pelajar dapat sebut dengan betul manakala bagi vokal nasal [᷑] 90% pelajar dapat sebut dengan betul.

Dalam Ujian 9, Vokal Nasal BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul vokal nasal [ĩ], [ũ], [ẽ] dan [᷑]. Sebaliknya semua pelajar tidak dapat sebut dengan betul vokal nasal [᷑] dan menggantikannya dengan [᷑] yang tidak nasal.

Dalam Ujian 10, Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul diftong [au], [ai], [ei], [oi] dan [eu]. Bagi diftong [ui] hanya 80% pelajar dapat sebut dengan betul. 5% pelajar menggantikan [ui] dengan [ai] manakala 15% pelajar yang lain menggantikan [ui] dengan [oi].

Dalam Ujian 11, Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dapat sebut dengan betul diftong [au], [oi], [eu], [ui] dan [ai]. Bagi diftong [ei] dan [ɔi] hanya 85% pelajar dapat sebut dengan betul.

Dalam Ujian 12, Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu dapat sebut dengan betul diftong [ai], [au], [ɛu], [eu], [iu], [ɔi], [oi] dan [ou]. Bagi diftong [ei] pula semua pelajar Melayu tidak dapat sebut dengan betul sebaliknya menggantikan [ei] dengan [i].

Dalam Ujian 13, Diftong Nasal Menurun BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa hanya 65% pelajar dapat sebut dengan betul diftong [œ̄] manakala 35% yang lain menggantikan [œ̄] dengan [oi].

Dalam Ujian 14, Diftong Nasal Menurun BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul diftong [aō]. Hanya 65% pelajar dapat sebut dengan betul [œ̄]. Bagi diftong [aē] 75% pelajar dapat sebut dengan betul manakala 25% pelajar yang lain menggantikan [aē] dengan [ai] yang tidak nasal.

Dalam Ujian 15, Diftong Oral Menaik BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa 90% pelajar dapat sebut dengan betul diftong [uā], 80% pelajar dapat sebut dengan betul diftong [uō].

Dalam Ujian 16, Diftong Nasal Menaik BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul diftong [uā̄] dan [uī].

Dalam Ujian 17, Triftong Oral BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul triftong

[uai]. 85% dapat sebut dengan betul triftong [uei] dan [uiu]. 5% pelajar menggantikan triftong [uei] dengan [ei] manakala 10% pelajar yang lain menggantikan [uei] dengan [ai]. Bagi triftong [uiu] 15% menggantikan triftong [uiu] dengan [ue].

Dalam Ujian 18, Triftong Oral BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul triftong [uai].

Dalam Ujian 19, Triftong Nasal BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa hanya 15% pelajar dapat sebut dengan betul triftong [uāo] manakala 85% pelajar lain yang menggantikan [uāo] dengan [āo].

Dalam Ujian 20, Triftong Nasal BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa hanya 25% dapat sebut dengan betul triftong [uōe] 45% pelajar menggantikan [uōe] dengan [oe] manakala 30% pelajar yang lain menggantikan [uōe] dengan [oi]. Ini kerana triftong nasal tidak wujud dalam BMS, jadi, pelajar-pelajar Melayu mempunyai kecenderungan menggantikan [uōe] dengan diftong yang mempunyai bunyi yang hampir sama.

Dalam Ujian 21, Rangkap Vokal BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul rangkap vokal [ae], [ee], [ai] dan [eo]. 85% pelajar dapat sebut dengan betul

rangkap vokal [au] dengan [uo]. 70% pelajar dapat sebut dengan betul rangkap vokal [ui] dengan [ue].

Dalam Ujian 22, Rangkap Vokal BPS di Posisi Akhir Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul rangkap vokal di Posisi Akhir Kata.

Dalam Ujian 23, Rangkap Konsonan BPS di Posisi Awal Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul. Ini mungkin kerana rangkap konsonan [st] dan [pr] dan lain-lain lagi telah wujud dalam BMS jadi pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah sebutan bagi rangkap konsonan.

Dalam Ujian 24, Rangkap Konsonan BPS di Posisi Tengah Kata menunjukkan bahawa semua pelajar dapat sebut dengan betul [pr], [br], [cr], [dr], [fl], [fr], [gl], [pl], [vr]. Untuk [bl] hanya 80% pelajar dapat sebut dengan betul manakala 20% yang lain menggantikan [bl] dengan [br].

Dalam Ujian 25, Separuh Vokal BPS di Posisi Akhir Kata, semua pelajar dapat sebut dengan betul. Ini mungkin kerana separuh vokal [j] dan [w] juga wujud dalam BMS, jadi pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah untuk menyebutnya.